

JABATAN AKAUNTAN NEGARA

PANDUAN MENGISI BORANG JADUAL PENUKARAN KOD PUSAT TANGGUNGJAWAB/ PUSAT KOS JAN/ MD 018A

1. Pengenalan

- a. Jadual Penukaran Kod Pusat Tanggungjawab/ Pusat Kos (PTJ/ PK) (JAN/ MD 018A) perlu disediakan sekiranya sesuatu kod PTJ/ PK telah dibatal atau telah ditukar bagi kegunaan perakaunan dalam tahun kewangan baru.
- b. **Penting** – Borang ini perlu disediakan jika **kod** PTJ/ PK 2014 adalah berlainan manakala maksud perihal adalah tidak berubah.

2. Penyediaan

Medan yang perlu diisi oleh Kementerian/ Jabatan (Kem/ Jab):

1. **Kementerian/ Jabatan**
Catatkan nama Kem/ Jab seperti yang terdapat di dalam senarai kod Kem/ Jab yang disediakan oleh Jabatan Akauntan Negara (JAN).
2. **Perihal Pusat Tanggungjawab/ Pusat Kos** (Tahun semasa)
Catatkan perihal PTJ/ PK bagi tahun semasa.
3. **Kod Kementerian/ Jabatan PTJ/ PK** (Tahun semasa)
Catatkan kod Kem/ Jab dan diikuti kod PTJ/ PK bagi tahun semasa. Contohnya, 231 010101.
4. **Kod Kementerian/ Jabatan PTJ/ PK** (Tahun baru)
Catatkan kod Kem/ Jab dan diikuti kod PTJ/ PK bagi tahun baru.
5. **Perihal Pusat Tanggungjawab/ Pusat Kos** (Tahun baru)
Catatkan perihal PTJ/ PK bagi tahun baru.
6. **Untuk Pengesahan**
Sila tandatangan dan catatkan nama, nombor telefon dan alamat e-mel dengan jelas untuk memudahkan pengesahan dan perhubungan.